

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : PERUNTUKAN UNTUK ADUN PEMBANGKANG**

201. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kegunaan peruntukan ADUN pembangkang sepanjang tahun 2018 dan 2019.
- b) Adakah ketua pembangkang Negeri Selangor diberi peruntukan khas?
- c) Nyatakan kegunaan peruntukan ketua pembangkang.

**JAWAPAN:**

(a), (b) dan (c) dijawab bersekali

Untuk makluman, Peruntukan bagi setiap Ahli Dewan Negeri Bukan Kerajaan (ADUN pembangkang) bagi tahun 2018 dan 2019 adalah berjumlah RM150,000.00 setahun.

Fungsi dan kegunaan peruntukan ADUN pembangkang adalah sama dengan peruntukan ADUN Kerajaan seperti mana yang ditetapkan oleh Pekeliling Perpendaharaan Bilangan 2 Tahun 2017 dan Pekeliling Perpendaharaan Bilangan 1 Tahun 2019 – Garis Panduan Penggunaan Peruntukan Ahli Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN) Dan Ahli Dewan Negeri (ADN) Selangor. Antara kegunaan peruntukan ini adalah seperti berikut:

**(i) Pengurusan Pejabat ADN**

Perbelanjaan tidak melebihi RM72,000.00 setahun bagi penyewaan ruang pejabat, penyewaan mesin fotostat, penyelenggaraan pejabat, pembayaran bil utiliti, pembelian komputer, pencetak, alat tulis, perbelanjaan mesyuarat serta lain-lain peralatan dan keperluan dalam pengurusan pejabat. Peruntukan RM72,000.00 ini, jika tidak digunakan untuk pengurusan pejabat, maka ia boleh digunakan bagi lain-lain perbelanjaan yang terkandung di dalam pekeliling ini;

## **(ii) Projek-projek Kecil**

Peruntukan projek-projek kecil adalah sebanyak 30 peratus (30%) daripada peruntukan yang telah diberikan kepada setiap DUN. Kos bagi setiap Projek Kecil Pembangunan hendaklah tidak melebihi RM50,000.00. Projek-projek kecil perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya 30% daripada peruntukan yang diberi bagi tujuan merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri dalam meningkatkan kualiti infrastruktur awam;

## **(iii) Sumbangan Kemasyarakatan Secara Tunai**

Pemberian derma dan sumbangan sagu hati kepada warga emas, anak yatim, ibu tunggal, orang kurang upaya yang tidak bermotifkan keuntungan dan sebagainya; dan

## **(iv) Program dan Aktiviti Mesra Rakyat**

Program Mesra Rakyat seperti program turun padang, sesi dialog bersama rakyat, ziarah, dan program-program kemasyarakatan termasuk perolehan pembelian barang-barang serta perkhidmatan boleh dilaksanakan tetapi tidak melebihi RM20,000.00 bagi setiap program.

Walau bagaimanapun, peruntukan yang diterima oleh pihak ADUN pembangkang adalah kurang sedikit berbanding dengan ADUN Kerajaan. Oleh yang demikian, terdapat keperluan untuk membuat kawalan perbelanjaan mengikut had seperti yang dimaklumkan di atas mengikut peruntukan yang diterima.

Untuk makluman, jumlah maksima bagi sumbangan tunai dan program Aktiviti Mesra Rakyat adalah sehingga 70 peratus (70%) daripada jumlah peruntukan tahunan yang disediakan. Setiap penerima sumbangan pula adalah tidak boleh melebihi RM10,000.00 setahun dan ianya bukanlah sumbangan bulanan.

Kerajaan Negeri juga tidak menyediakan peruntukan khas kepada ketua pembangkang. Peruntukan kepada ketua pembangkang adalah sama seperti ADUN Pembangkang yang lain iaitu sebanyak RM150,000.00 setahun dan fungsi serta kegunaannya juga adalah sama.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW  
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : PENYELENGGARAAN JALAN PLB/JKR DI KAMPUNG-KAMPUNG**

202. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan negeri bercadang meningkatkan kekerapan penyelenggaraan jalan-jalan dan longkang bagi jalan-jalan kampung PLB dan JKR daripada 2 kali setahun kepada sekurangnya 4 kali setahun?

**JAWAPAN:**

- a) Berdasarkan kepada Kontrak Jangka Panjang penyelenggaraan Jalan Negeri sedia ada, pusingan penyelenggaraan longkang untuk **Secondary Road dan Minor Road di bawah JKR** masih dikekalkan kepada 2 kali setahun. Walau bagaimanapun, pihak konsesi akan diarah untuk melaksanakan pusingan penyelenggaraan tambahan sekiranya terdapat keperluan mendesak di sebuah lokasi, contohnya untuk mengatasi masalah banjir.

Keperluan pusingan penyelenggaraan longkang **Secondary Road dan Minor Road di bawah JKR** dari 2 kali kepada 4 kali setahun akan diteliti dan diberi pertimbangan pada Kontrak Jangka Panjang akan datang kerana ianya akan melibatkan peningkatan kos sebanyak dua kali ganda. Ianya sedang dikaji disebabkan akan melibatkan implikasi kewangan yang tinggi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(N11 IJOK)**

**TAJUK : ADUAN KILANG HARAM**

203. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila jelaskan apakah bentuk tindakan yang telah diambil terhadap kilang-kilang haram di Selangor?
- b) Mengapakah Kerajaan Negeri Selangor masih gagal mengatasi masalah kilang2 haram yang menyebabkan pencemaran alam sekitar?
- c) Sila berikan statistik rampasan kilang2 haram pada tahun 2019.

**JAWAPAN:**

- a) Pada tahun 2006, Kerajaan Negeri telah melancarkan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor melalui Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Selangor Bil. 6 Tahun 2006 bertarikh 31 Julai 2006 bertujuan untuk membantu pengusaha kilang / pemilik tanah menjadikan kilang-kilang mereka mengikut peraturan dan undang-undang terutama dari segi sudut syarat nyata tanah dan infrastruktur bangunan. Di dalam program ini pengusaha dan pemilik tanah perlu mengemukakan permohonan untuk kelulusan pelan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta permohonan menukar syarat kegunaan tanah kepada Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor (PTG).

Dalam program tersebut beberapa insentif telah ditawarkan antaranya seperti pengurangan premium tambahan, bayaran premium secara ansuran, pengecualian premium khas dan mewujudkan '*fast track*' di semua PTD dan Jabatan Teknikal Yang Terlibat. Walau bagaimanapun, hanya 56.25% kilang haram yang membuat permohonan daripada inventori direkodkan iaitu 2250 buah kilang haram walaupun program tersebut telah dilanjutkan sebanyak enam (6) kali sejak 2008 sehingga 2015.

Sehubungan dengan itu, bagi menangani isu kilang haram ini secara intensif, Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat MMKN ke 24/2019 bertarikh 21 Ogos 2019 telah disahkan pada MMKN ke 25/2019 bertarikh 28 Ogos 2019 telah mewujudkan semula program pemutihan bagi kilang-kilang haram, iaitu Program Pematuhan Syarat dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran di Negeri Selangor yang dilancarkan pada 24 September 2019 di mana Program ini bermula pada 1 Oktober 2019 sehingga tahun 2020. Sekiranya dalam tempoh ini tiada permohonan diterima oleh pengusaha kilang atau pemilik tanah, tindakan penguatkuasaan akan diambil berdasarkan peraturan dan undang-undang sedia ada.

- b) Kekangan dalam menangani masalah kilang-kilang haram di Negeri Selangor adalah kilang-kilang haram ini sebahagiannya dibina di atas tanah yang disewa oleh pemilik tanah kepada pengusaha kilang. Pengusaha tidak mendapat persetujuan pemilik tanah untuk menukar kegunaan syarat tanah kepada aktiviti perndustrian. Selain itu, tanah yang terlibat mempunyai lebih daripada satu pemilik/penama berdaftar yang tidak mencapai persetujuan bagi tujuan pecah bahagian tanah dan menukar kegunaan syarat tanah kepada aktiviti industri/kilang.
- c) Statistik perampasan/ perobohan kilang haram belum direkodkan kerana kilang-kilang ini masih di dalam program pemutihan. Walau bagaimanapun, PBT akan mengenakan Notis terhadap kilang haram yang beroperasi tanpa lesen perniagaan selaras dengan peruntukan di bawah UUK Pelesenan, Tred Perniagaan dan Perindustrian 2007. Selain itu, tindakan penguatkuasaan bersepdu bersama agensi kerajaan seperti Jabatan Alam Sekitar dan Pejabat Kesihatan Daerah akan dilaksanakan jika mendapati premis perniagaan atau kilang-kilang tanpa kebenaran menimbulkan kacauganggu pencemaran alam sekitar selaras dengan peruntukan Seksyen 38(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN  
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : STATUS KAD PEDULI SIHAT DAN KISS**

204. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini Program Kebajikan Rakyat - Kad Peduli Sihat dan Kasih Ibu Smart Selangor (KISS)?
- b) Memandangkan program-program ini mempunyai kuota, bagaimanakah pemohon-pemohon disaring dan dipilih sekiranya lebih dari kuota?

**JAWAPAN:**

- a) Program Skim Peduli Sihat telah diteruskan semula pada 1 Jun 2019. Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 10/2019 dan disahkan pada Mesyuarat MMKN ke 11/2019 telah bersetuju menghadkan bilangan penerima manfaat kepada 65,000 kad sahaja dengan jumlah peruntukan tambahan sebanyak RM32.5 juta bagi proses pengemaskinian tersebut.

Jumlah penerima Peduli Sihat sebelum penjajaran adalah sebanyak 392,798 kad dan selepas proses pengemaskinian dilakukan, hanya 86,004 kad sahaja yang memenuhi kriteria baru. Walaubagaimanapun, berdasarkan sistem kuota yang ditetapkan, sebanyak 55,277 kad sahaja telah diaktifkan.

Bagi Program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS), yang telah melalui proses penjajaran dari 15 Jun hingga 15 Julai 2019 yang lalu, seramai 11,462 orang golongan ibu telah berjaya dipilih untuk meneruskan manfaat KISS dari program ini dengan nilai bantuan yang sama iaitu sebanyak RM200.00 sebulan.

Kedua-dua manfaat ini telah diteruskan kepada para penerima yang memenuhi kriteria asas yang telah ditetapkan dan melalui proses saringan semak silang menggunakan data penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) dan Pangkalan Data Kemiskinan Nasional iaitu Sistem eKasih.

- b) Sebagaimana kita semua sedia maklum, semua penerima sedia ada Program KISS pada masa kini telah disaring melalui semakan silang berdasarkan data penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) dan pengkalan data eKasih.

Bagi penerima yang layak tetapi telah terkeluar daripada senarai penerima kerana melebihi kuota DUN, pihak Jawatankuasa Tetap Kebajikan Negeri Selangor meminta Pejabat Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) DUN untuk mengemukakan surat pemakluman berserta dokumen sokongan seperti senarai penerima yang didapati layak tetapi telah terkeluar dan dokumen pengesahan kelayakan mereka samada daripada senarai e-kasih ataupun BSH.

Kerajaan Negeri Selangor kini dalam proses untuk mempertimbangkan tambahan kuota bagi penerima Program KISS sedia ada yang layak tetapi terkeluar kerana telah melebihi kuota. Walau bagaimanapun, perkara ini adalah tertakluk kepada kedudukan kewangan semasa Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI  
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : PERUNTUKAN PEMBANGUNAN SMART SELANGOR**

205. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah keseluruhan peruntukan yang disalurkan untuk pembangunan Smart Selangor dari tahun 2016 hingga 2019?
- b) Apakah jumlah ini mencukupi dengan mengambil kira status Selangor sebagai sebuah negeri maju?

**JAWAPAN:**

- a) Semenjak tahun 2016 sehingga tahun 2019, sebanyak RM 46.2 juta telah dan sedang dibelanjakan bagi perancangan dan pelaksanaan inisiatif Smart Selangor. Jumlah yang disalurkan ini juga merangkumi penyediaan Blueprint dan aktiviti-aktiviti stakeholder engagement.
- b) Untuk perbandingan, negara Singapura yang dinobat sebagai World's Smart City telah diperuntukkan sebanyak SGD 2.4 billion pada tahun 2017 untuk pelaksanaan program Smart Nation, walaupun hanya mempunyai populasi berjumlah 5 juta penduduk dan keluasan geografi 11 kali lebih kecil berbanding negeri Selangor.

Oleh yang demikian, jumlah tahunan yang telah diperuntukkan sekiranya diteruskan sehingga ke tahun 2025 adalah tidak mencukupi. Jesteru itu, kita akan terbuka untuk mendapatkan kerjasama dari semua pihak yang terlibat dengan cadangan model-model pembiayaan baru dengan PBT, agensi Kerajaan, syarikat GLC, syarikat swasta (dalam dan luar negara) dan juga Kerajaan Persekutuan yang membolehkan dana yang lebih besar diperolehi bagi menjayakan program ini yang pasti akan memberi banyak manfaat kepada rakyat Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHRU)**

**TAJUK : JALAN MASUK KE EMPANGAN SG TINGGI TERPUTUS**

206. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri akan memperbaiki jalan masuk ke Empangan Sg Tinggi yang telah lama terputus? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang membuat pengambilan tanah bagi jalan masuk ini yang sekarang hakmiliknya adalah PKPS?

**JAWAPAN:**

- a) Pada 26.8.2019 telah diadakan satu mesyuarat antara Pejabat Daerah / Tanah Hulu Selangor bersama agensi teknikal yang berkaitan serta pemilik tanah iaitu Menteri Besar Incorporated (MBI) dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) sebagai pemajak tanah. Antara intipati perbincangan tersebut adalah :
  1. PKPS telah melantik pihak perunding untuk menyediakan pelan lakaran serta anggaran kerja-kerja baik pulih tanah runtuh tersebut. Kos baik pulih tanah runtuh dan binaan jambatan besi yang baru adalah dianggarkan berjumlah RM 250,000.00 dengan jangkaan pelaksanaan 4 – 6 bulan.
  2. Tindakan baik pulih jalan masuk ke Empangan Sungai Tinggi akan dilaksanakan oleh pihak MBI dan PKPS sebagai pemilik dan pemajak tanah secara bersama.
  3. Kos baik pulih akan diselaraskan antara pihak MBI dan PKPS
- b) Melalui mesyuarat yang sama pada 26.8.2019 bersama pihak MBI dan PKPS, terdapat cadangan untuk dilakukan proses serah balik sebahagian tanah kepada pihak kerajaan bagi tujuan jalan / laluan, melalui kaedah Kanun Tanah Negara (Seksyen 12B) setelah proses baik pulih dijalankan bagi memudahkan tindakan pencegahan pada masa akan datang. Namun perkara ini perlu diperhalusi kerana ia melibatkan implikasi kewangan kepada Kerajaan Negeri kemudian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI  
(N49 SUNGAI KANDIS)**

**TAJUK : PENGGUNAAN BAG PLASTIK**

207. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah kempen tanpa bag plastik berjaya mengurangkan penggunaan bag plastik?
- b) Apakah program yang dirancang untuk membentuk budaya bawa bag sendiri ketika berbelanja?

**JAWAPAN:**

(a) dan (b) adalah dijawab bersekali.

Kerajaan Negeri Selangor sentiasa komited dalam mempertingkatkan usaha mengurangkan penggunaan plastic dalam kalangan orang awam. Selain daripada Kempen Bebas Beg Plastik dan Kempen Kitar Semula Sampah, Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Pengguna telah melaksanakan penganjuran pelbagai program dan aktiviti bagi memupuk kesedaran orang awam mengenai bahaya penggunaan plastik khususnya plastik sekali guna seperti beg plastik, polistirena, straw plastik dan sebagainya.

Kempen "Hari Tanpa Beg Plastik" telah mula dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor seawal Januari 2010 dengan perlaksanaan pada hari terpilih iaitu setiap hari Sabtu. Kempen ini telah ditambah baik dengan pelaksanaan "Hari Tanpa Beg Plastik" selama 7 hari seminggu yang bermula mulai 1 Januari 2017. Kempen yang diadakan ini adalah bertujuan mewujudkan kesedaran dalam kalangan pengguna mengenai bahaya beg plastik terhadap alam sekitar dan kesihatan. Menerusi kempen ini, pelbagai inisiatif dilaksanakan dalam siri promosi kempen dan program-program yang dianjurkan oleh pelbagai pihak termasuklah memperkasakan budaya untuk membawa beg sendiri ketika berbelanja.

Kerajaan Negeri Selangor telah melaksanakan kajian Sikap Penerimaan Kempen Beg Plastik di Negeri Selangor pada tahun 2018 bagi mendapatkan maklumat berkaitan keberkesanan kempen yang telah dijalankan berdasarkan survey

terhadap responden yang dipilih dalam kalangan rakyat di seluruh negeri Selangor.

Hasil kajian tersebut mendapati sebanyak 93% responden bersetuju dan sedar dengan penyertaan kepada kempen ini akan membantu dan menyelamatkan alam sekitar. Selain itu, 79% responden telah kerap membawa beg sendiri ketika membeli-belah setelah kempen ini dilancarkan. Selain itu, hasil dari kajian yang telah dijalankan juga mendapati sebanyak 76% responden tidak merasa terbeban dengan kempen ini dan 66% responden berpuas hati dengan pelaksanaan kempen ini. Hasil kajian ini menunjukkan kesan positif terhadap budaya membawa beg sendiri ketika berbelanja dalam kalangan pengguna di negeri Selangor seterusnya dapat mengurangkan penggunaan beg plastik sekali guna yang memberi risiko terhadap alam sekitar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LIM YI WEI  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : PENCEMARAN SUNGAI SELANGOR**

208. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan undang-undang yang telah diambil terhadap kes pencemaran Sungai Selangor?
- b) Apakah tindakan susulan Kerajaan Negeri untuk melindungi sumber air selepas kes-kes pencemaran Sungai Selangor pada tahun 2019?

**JAWAPAN:**

- a) Bagi kes pencemaran Sungai Selangor yang berlaku pada 21 Julai 2019 yang lalu, LUAS telah menyediakan Kertas Siasatan dan telah dipanjangkan kepada pihak Timbalan Pendakwaraya Negeri Selangor untuk arahan selanjutnya, samada kompaun atau pendakwaan.
- b) Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri bagi memastikan sumber air di Selangor sentiasa bersih dan selamat untuk digunakan. Pelbagai usaha telah diambil untuk mengimbangkan pembangunan yang pesat dan penjagaan sumber air.

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah mewartakan semua 7 empangan di Negeri Selangor di bawah Seksyen 48, Enakmen LUAS 1999. Selain itu, sejumlah 413 (40%) daripada jumlah keseluruhan 1026 batang sungai kini turut telah melalui proses pewartaan di bawah peruntukan yang sama. Tujuan pewartaan ini adalah untuk melindungi sungai dan rizab sungai daripada gangguan kepada kuantiti, kualiti dan persekitarannya.

Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui LUAS dan Pengurusan Air Selangor juga telah membangunkan beberapa stesen telemetri kualiti air di hulu dari muka sauk sebagai sistem amaran awal /*early warning system* kepada muka sauk bekalan air jika berlakunya pencemaran di hulu.

Kerajaan Negeri melalui LUAS telah menubuhkan Jawatankuasa Pemuliharaan Sungai-sungai Negeri Selangor yang dipengerusikan YB. EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam bagi mempergiatkan usaha dan menggalakkan penglibatan agensi, komuniti, NGO dan pihak berkepentingan dalam aktiviti pemuliharaan sungai-sungai di Negeri Selangor.

Pemantauan berkala dilaksanakan oleh Lembaga bersama agensi berkaitan bagi memastikan sumber air dan kawasan tadahannya terpelihara daripada aspek kualiti dan kuantitinya.

Penguatkuasaan bersepadu dan tindakan perundangan tegas turut sentiasa dilaksanakan antaranya siasatan, notis dan pengeluaran kompaun termasuk pendakwaan di mahkamah.

### **Maklumat tambahan**

Selain itu, kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan berterusan dijalankan bagi isu-isu pencemaran lain melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan iaitu:

- i. Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai, yang dipengerusikan oleh YB EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam;
- ii. Pasukan Petugas Lembangan Sungai Klang, Lembangan Sungai Langat dan Lembangan Sungai Selangor, yang dipengerusikan oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS); dan
- iii. Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor, yang dipengerusikan oleh EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : PERUMAHAN DAN GOLONGAN B40**

209. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah Kerajaan Negeri bagi membantu golongan B40 di Selangor untuk memiliki rumah kategori ini?

**JAWAPAN:**

- (a) Antara langkah Kerajaan Negeri bagi membantu golongan B40 di Selangor untuk memiliki Rumah Selangorku melalui 2 kaedah atau pendekatan sama ada melalui **pembelian atau sewaan unit**.

Kaedah pertama adalah melalui **pembelian unit** melibatkan **Skim Rumah Selangorku, Skim Dana Sel dan Skim Sewa Beli (Rent To Own)** adalah seperti berikut:

**(i) Skim Rumah Selangorku**

Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) telah melaksanakan penawaran Rumah Selangorku kepada orang awam dengan menawarkan pelbagai Jenis Rumah Selangorku yang berharga bermula pada RM 42,000.00 seunit sehingga RM 250,000.00 seunit. Sehingga kini, keseluruhan unit dalam pembinaan adalah sebanyak 22,274 unit Rumah Selangor dimana Jenis A sebanyak 881 unit, Jenis B sebanyak 3,264 unit, Jenis C sebanyak 8,309 unit dan Jenis D sebanyak 9,820 unit yang boleh ditawarkan kepada orang awam untuk mendapat peluang memiliki kediaman mampu milik mampu tersebut.

**(ii) Skim Dana Sel**

Bagi kes golongan yang tidak layak mendapatkan pinjaman bank, Kerajaan Negeri telah menyediakan **Skim Pembiayaan Perumahan Selangorku (Dana-Sel)** yang berkonsepkan sewa dan milik bagi membantu golongan ini membeli Rumah Selangorku Jenis A. Kerajaan Negeri melalui anak syarikat LPHS iaitu PHSSB menguruskan skim ini melalui kaedah pembiayaan yang merupakan satu

bentuk penyewaan jangka panjang bagi membolehkan pemohon bertukar status daripada penyewa kepada pemilik rumah dalam tempoh yang telah dipersetujui dengan mematuhi semua terma-terma Perjanjian Penyewaan dan Pemilikan. Skim ini akan dipertimbangkan untuk diperluaskan lagi pada masa akan datang agar ianya dapat membantu lebih ramai golongan B40 untuk memiliki kediaman.

### **(iii) Skim Sewa Beli (Rent To Own)**

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) sedang mengadakan cadangan berkerjasama beberapa pihak bank bagi mewujudkan satu skim sewa beli atau dikenali juga sebagai 'Rent To Own' khususnya untuk pembeli Rumah Selangorku di Negeri Selangor. Skim ini dapat membantu golongan B40 dan M40 yang berpendapatan isi rumah dibawah RM 10,000-00 sebulan untuk memiliki kediaman Mampu Milik atau Rumah Selangorku.

Sehubungan dengan itu, beberapa siri perbincangan telah diadakan oleh pihak LPHS bersama dengan pihak bank berkaitan dan perkara ini dalam penelitian secara terperinci daripada semua pihak terlibat. Ini bagi memastikan mekanisma pelaksanaan ini dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan komprehensif serta mencapai objektif kepada golongan sasaran yang dihasratkan oleh Kerajaan Negeri. Setelah itu, cadangan tersebut akan dibentangkan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan.

Manakala kaedah kedua adalah **sewaan** melibatkan **Skim Smart Sewa dan Projek Perumahan Rakyat (PPR)** adalah seperti berikut ;

#### **(i) Skim Smart Sewa**

Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Skim Smart Sewa dengan objektif utama adalah bagi membantu golongan yang gagal mendapatkan pinjaman perumahan supaya dapat menyewa kediaman yang disediakan oleh Kerajaan Negeri dengan kadar sewa yang berpatutan berbanding harga pasaran. Mereka ini akan diberi tempoh sewaan minima bagi setiap penyewa adalah selama 2 tahun dan maksima selama 5 tahun.

Penyewa akan mendapat **pulangan semula 30 peratus daripada jumlah sewaan bersih yang dibayar** apabila mereka tidak lagi tinggal di unit berkenaan dalam tempoh 2 tahun hingga 5 tahun. Dengan pengembalian sebanyak 30

peratus wang sewaan bersih kepada pemohon maka wang tersebut boleh dijadikan sebagai wang pendahuluan dalam pembelian Rumah Selangorku pada masa akan datang. Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) akan **memberikan keutamaan dalam penawaran kepada pemohon berkenaan untuk ditawarkan mana-mana projek Rumah Selangorku sedia ada** sekiranya terdapat kekosongan unit dengan pemohon memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan.

**Pembelian sebanyak 979 unit rumah mampu milik telah dilaksanakan di bawah Skim Smart Sewa oleh LPHS di mana Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. (PHSSB) dilantik sebagai agen pengurusan bagi melancarkan pelaksanaan skim ini.**

Sehingga kini, 431 unit rumah telah disewakan dengan kadar sewaan bermula daripada RM450.00 sebulan sehingga RM900.00 sebulan. Manakala sebanyak 248 unit dalam proses penyerahan unit kepada LPHS dan juga sewaan unit kepada orang awam dan baki sebanyak 300 unit masih dalam pembinaan di tapak.

## **(ii) Skim Projek Perumahan Rakyat (PPR)**

Kerajaan Negeri telah mewujudkan Skim Perumahan untuk disewakan sahaja kepada mereka yang berpendapatan seisi keluarga kurang dari RM3,000.00 sebulan. Kadar sewaan yang dikenakan kepada penyewa pada harga sewaan RM 124.00 sehingga RM 250.00 sebulan berbanding kadar sewaan pasaran semasa sekitar RM 400.00 sehingga RM 650.00 sebulan. Secara langsung, ianya membantu golongan ini untuk mendapat manfaat daripada kadar sewaan yang rendah dan lebih pendapatan mereka boleh digunakan sebagai simpanan sehingga mereka berkemampuan untuk tujuan pembelian Rumah Selangorku pada masa akan datang.

Berikut adalah **Projek Perumahan Rakyat (PPR)** yang ditawarkan kepada orang awam seperti berikut :

BIL	LOKASI	BIL. UNIT	BIL PENGHUNI	BAKI UNIT KOSONG	PENGENDALI	PENGURUSAN
1.	PPR Hicom	980	980	0	LPHS	PHSSB
2.	PPR Serendah	300	125	175	LPHS	PHSSB
3.	PPR Kota Damansara	1,152	1152	0	MBPJ	PHSSB
<b>JUMLAH</b>		<b>2,432</b>	<b>2,257</b>	<b>175</b>		

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH  
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : KEPRIHATINAN KERAJAAN TERHADAP GOLONGAN M40**

210. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Penajaran semula yang menfokuskan kepada golongan B40 dilihat seolah-olah tidak adil kepada golongan M40. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat mewujudkan bantuan-bantuan khusus bagi golongan M40?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : INSTITUT DARUL EHSAN (IDE)**

211. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah peruntukan kepada IDE dari 2017 hingga kini mengikut pecahannya?
- b) Apakah kejayaan IDE yang membantu dalam membuat dasar-dasar baharu pentadbiran Kerajaan Negeri?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI**  
**(N51 SIJANGKANG)**

**TAJUK : PENCEMARAN AIR SUNGAI YANG MENJADI SUMBER AIR TERAWAT**

212. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri ke atas 4 episod pencemaran air di Negeri Selangor?
- b) Adakah tindakan tegas telah diambil terhadap kilang-kilang tanpa lesen di sepanjang jajaran sungai sumber air mentah yang menjadi penyumbang kepada pencemaran tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Berikut adalah tindakan yang diambil oleh LUAS:

Bil	Nama Premis	Tarikh kejadian	Jenis Pencemaran	Tindakan yang dikenakan	Status Kes
1.	Devaraj a/l Shanmugam  Maduraiveran Pillai a/l Nageswara	19 Mac 2019	Membuang bahan buangan yang mengandungi minyak ke dalam kolam takungan banjir di Taman Eng Ann, Klang.	Pendakwaan sedang dijalankan di Mahkamah Sesyen di Klang.	OKS 1 masih dalam prosiding perbicaraan.  OKS 2 telah mengaku salah dan dihukum denda RM 25,000.00.

2.	Syarikat Ngo Chew Hong	26 Jun 2019	Menyebabkan pelepasan atau kemasukan efluen kilang sehingga menyebabkan pencemaran bau di Sungai Semenyih.	Surat Arahan diberikan kepada premis untuk menghentikan operasi kilang dan menjalankan langkah-langkah mitigasi pengawalan pencemaran.	Pihak premis telah mematuhi surat arahan yang diberikan.
3.	Kumpulan Semesta Sdn Bhd	21 Julai 2019	Gagal mematuhi syarat Kebenaran Bertulis sehingga menyebabkan kemasukan atau pelepasan minyak ke dalam Sungai Selangor.	Kertas siasatan telah dibuka.	Kertas siasatan telah dipanjangkan kepada pihak Timbalan Pendakwaraya untuk arahan selanjutnya.

- b) Tindakan yang dikenakan adalah dengan mengeluarkan Notis, Kompaun atau Surat Arahan mengikut jenis kesalahan yang dilakukan di bawah peruntukan Enakmen LUAS 1999.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- i. Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor telah menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap pencemaran di Sungai melalui konsep Pengurusan Bersepadu Lembangan Sungai atau “Integrated River Basin Management (IRBM)” di Lembangan Sungai Selangor melibatkan pelbagai agensi seperti Lembaga Urus Air Selangor, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Pengairan dan Saliran, Pejabat Tanah, Jabatan Mineral dan Geosains, Jabatan Veterinar dan

Jabatan Alam Sekitar. Tumpuan utama program yang dilaksanakan adalah terhadap kilang-kilang tanpa lesen bagi melindungi sumber bekalan air dan Loji Rawatan Air yang sering menerima kesan akibat pencemaran.

- ii. Melalui penguatkuasaan yang dilaksanakan pelbagai tindakan keras telah diambil terhadap premis-premis yang gagal mematuhi undang-undang, Jabatan Alam Sekitar akan mengeluarkan Notis Arahan kepada premis atau kilang yang gagal mematuhi Akta Kualiti Alam Sekelling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawah nya supaya mengambil tindakan sewajarnya bagi mengatasi/mengawal pencemaran yang berlaku. Sekiranya masih gagal, pihak premis akan dikenakan tindakan kompaun dan tindakan mahkamah sebagai denda atas kesalahan yang dilakukan.
- iii. Bagi industri yang mempunyai rekod dengan Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor dan tertakluk dengan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya, JAS akan menjalankan tindakan penguatkuasaan bagi memastikan industri tersebut mematuhi kehendak undang-undang tersebut. Selain itu bagi industri yang tidak tertakluk dengan perundangan JAS, JAS akan bekerjasama dengan agensi lain seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Tanah Dan Deaerah, Lembaga Urus Air Selangor dan lain-lain Jabatan yang berkaitan bagi mengatasi isu pencemaran yang berlaku.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : INSTITUT PEMBEDAYAAN PEKERJA**

213. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakan peruntukan sebanyak 1 Juta (2019) yang telah digunakan ?
- b) Untuk apakan ( jika ada ) peruntukan tersebut digunakan?
- c) Siapa kah atau jawatankuasa yang bertangungjawab menjalankan Institut tersebut?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE  
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : "CORRECTIVE WORK ORDERS"**

214. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor bersedia untuk membangkitkan keperluan meminta akta-akta berkenaan kepada Kerajaan Persekutuan supaya "Corrective Work Orders" boleh dilaksanakan untuk mereka yang membuang sampah secara berleluasa atau mengotorkan persekitarannya?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, elemen "Corrective Work Orders" (CWO) kepada pesalah yang melibatkan pembuangan sampah juga telah dijadikan sebagai hukuman dan dimasukkan ke dalam draf Dasar Rang Undang-Undang (RUU) Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam Negeri Negeri Selangor sekiranya ia sesuai dan praktikal untuk dijadikan sebagai salah satu bentuk perlaksanaan hukuman. Namun CWO ini lebih kepada bentuk pendidikan kepada pesalah dan tidak dihadapkan ke mahkamah. Kerajaan Negeri telah pun mengutarakan hasrat pewujudan RUU ini kepada Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk rundingan selanjutnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING  
(N37 BUKIT LANJAN)**

**TAJUK : STATUS PROJEK TEBATAN BANJIR JPS**

215. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa projek Tebatan Banjir JPS yang belum dapat dilaksanakan atau diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan?
  
- b) Apa yang dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan projek-projek infrastruktur tidak keluar daripada jadual masa yang ditetapkan?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman, sebanyak 70 projek fizikal telah dirancang di dalam RMK-11. Sebanyak 35 projek telah disiapkan dan 27 projek di dalam peringkat perlaksanaan. Baki 8 projek lagi, sebanyak 4 projek akan di tender pada tahun 2020 dan 4 projek akan dilaksanakan dalam RMK-12 kerana ia melibatkan proses pengambilan balik tanah dan juga peningkatan kos projek yang melebihi siling yang diluluskan.

Bagi projek di dalam pelaksanaan, sebanyak 6 projek dijangka siap pada tahun 2019. Manakala sebanyak 20 projek dijangka siap pada tahun 2020 dan 1 projek dijangka siap pada tahun 2021.

- b) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran telah mengeluarkan surat-surat arahan dan pekeliling yang melibatkan tatacara pelaksanaan projek kepada semua Jurutera Daerah (Wakil SO) dan juga melaksanakan mesyuarat berkaitan projek secara berkala bagi memastikan projek-projek infrastruktur tidak keluar daripada jadual masa yang ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN WONG SIEW KI  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : ISU KILANG DALAM KAMPUNG BARU**

216. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Masalah percampuran kilang dan perumahan dalam kampung baru telah menyebabkan banyak masalah seperti kacau ganggu, lesen tidak dapat dipohon atau diperbaharui dan kawasan tidak tersusun. Apakah usaha dan tindakan akan diambil demi menyelesaikan masalah ini?

**JAWAPAN:**

- a) Pada masa ini, usaha Kerajaan Negeri dalam menangani masalah kilang di dalam kawasan yang tidak dibenarkan adalah dengan melaksanakan Program Pematuhan Syarat Dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran Di Negeri Selangor yang dilancarkan pada 24 September 2019 di mana Program ini bermula pada 1 Oktober 2019. Dengan program ini, pengilang dan pemilik tanah dapat memulihkan tanah dengan mengembalikan keadaan tanah mengikut kategori tanah seperti dalam hakmilik dan mengikut peraturan infrastruktur yang ditetapkan oleh PBT. Bagi pengilang yang bukan di bawah zon industri, mereka disyaratkan untuk memindahkan kilang ke lokasi yang ditetapkan. Oleh itu, program ini dijangka akan dapat menyelesaikan masalah percampuran kilang dengan perumahan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : PENTADBIRAN PEJABAT DAERAH**

217. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai mekanisma penyelarasan antara pejabat-pejabat daerah bagi mengatasi masalah yang timbul berkaitan dengan kelulusan lesen kuari, lesen pengeluaran pasir dan isu laluan lori-lori yang merentas daerah?

**JAWAPAN:**

- a) Kanun Tanah Negara menyatakan bahawa Pentadbir Tanah Daerah mempunyai kuasa di bawah Seksyen 426 di dalam daerahnya. Oleh yang demikian, Pentadbir Tanah mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan penguatkuasaan walaupun ke atas lori-lori yang merentas daerah.

Setiap Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) melalui Unit Penguatkuasaan sentiasa menjalankan rondaan, pemantauan, risikan, dan pemerhatian berkala bagi menjalankan tindakan penguatkuasaan ke atas lori atau jentera yang melakukan pengalihan bahan batuan (tanah merah, pasir, hasil kuari, dan sebagainya) tanpa dokumen yang sah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : PROJEK RUMAH TERBENGKALAI DI KAMPUNG KOSKAN**

218. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Ini adalah antara projek rumah terbengkalai di dalam DUN saya.apakah status terkini berhubung dengan kelulusan infra?
- b) Juga terdapat cadangan untuk projek pembesaran kampung dan juga projek pembesaran jalan utama di kampung terbabit.apakah status terkini?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor yang bermesyuarat pada 18 September 2019 melalui Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri No 49/21/2019 telah meluluskan dan bersetuju supaya Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor meneruskan pembinaan kemudahan infrastruktur luar di tapak Projek Pembesaran Kampung Koskan tanpa menunggu pemberimilikan kesemua lot supaya kemudahan asas tersebut dapat digunakan oleh penduduk sedia ada dengan menggunakan peruntukan Tabung Pemulihan Projek Terbengkalai (TEPAT).
- b) Jalan yang dimaksudkan adalah Jalan Persekutuan FT1208 (Kampung Koskan). Cadangan menaiktaraf jalan Persekutuan FT1208 dari persimpangan Koskan ke bandar Sg. Buaya, Daerah Hulu Selangor telah diangkat ke Cawangan Jalan, Ibu Pejabat JKR Malaysia untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan untuk projek pembesaran kampung dan pembesaran jalan utama di Kampung Koskan yang diluluskan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ini tidak melibatkan skop kerja bagi pembesaran jalan utama di keseluruhan kampung terbabit. Skop kerja tertakluk dan terhad kepada penyediaan infrastruktur luar bagi 42 lot sahaja yang merangkumi kerja-kerja tanah, jalan, longkang, talian elektrik, saliran air, paip pembentungan, loji kumbahan dan sebuah bangunan pencawang elektrik Tenaga Nasional Berhad.

Manakala pemilik tanah bagi 42 lot tersebut bertanggungjawab untuk membina dan membaiki sendiri struktur rumah dengan kos dan perbelanjaan sendiri. Proses perolehan dijangka akan diadakan oleh Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor pada bulan Disember 2019. Manakala kerja-kerja ditapak oleh pihak kontraktor dijangkakan bermula pada tahun 2020.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : PENDUDUKAN HARAM DI TANAH KERAJAAN**

219. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar dan usaha Kerajaan dalam menangani isu ini?
- b) Adakah Kerajaan akan mempertimbangkan pemberian hakmilik kepada mereka yang telah menduduki dan/atau mengusahakan tanah Kerajaan jika mereka membuat permohonan?

**JAWAPAN:**

- a) Isu pendudukan haram di atas Tanah Kerajaan sentiasa di dalam perhatian Kerajaan Negeri. Ini berikutan Kerajaan Negeri menanggung kerugian kerana tidak dapat mengutip sebarang sewaan, cukai tahunan, premium atau premium tambahan sekiranya melalui proses pelupusan.

Pendudukan haram ini juga akan mengakibatkan penempatan yang tidak teratur di mana perancangan sesuatu bandar atau pecan telah dirancang dengan sebaiknya oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan disokong oleh Jabatan Teknikal bagi memastikan penempatan teratur dan memudahkan penduduk setempat yang berkenaan untuk sebarang akses seperti jalan, parit dan sebagainya.

Di dalam menangani isu ini, Kerajaan Negeri akan mengeluarkan Notis Amaran Pendudukan Secara Tak Sah Di Bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara 1965 dengan tempoh masa yang munasabah berdasarkan kepada keadaan semasa di atas tapak untuk berpindah.

Mana-mana orang tanpa kebenaran yang sah menduduki, atau membina apa-apa bangunan di atas, mana-mana Tanah Kerajaan, Tanah Rizab atau Tanah Perlombongan adalah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara (KTN) dan boleh, jika disabitkan, dikenakan denda yang tidak melebihi Ringgit Malaysia Lima Ratus Ribu Ringgit (RM500,000.00) atau dipenjarakan untuk suatu tempoh yang tidak melebihi lima tahun.

Justeru itu, sebagai sebuah negeri berkebajikan, Kerajaan Negeri akan terus memantau isu ini dari semasa ke semasa dan menjamin keadilan kepada rakyat

akan terus terbela tanpa sebarang prejudis dan pilih kasih. Kerajaan Negeri akan terus tekad membawa kemajuan kepada Negeri Selangor dengan mengikut segala undang-undang yang terpakai termasuklah penguatkuasaan terhadap sebarang pendudukan haram di atas Tanah Kerajaan.

- b) Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan pemberian hakmilik kepada mana-mana orang awam yang menghantarkan permohonan berdasarkan Seksyen 43 KTN. Pekeliling PTGS Bil.6/2011 menerangkan berkenaan Garis Panduan Skim Pemilikan Tanah Kerajaan untuk tujuan bangunan kediaman persendirian di Negeri Selangor.

Objektif skim ini adalah untuk :

- i. Menyelesaikan masalah orang ramai berkaitan ketidakmampuan menjelaskan bayaran premium tanah;
- ii. Memberi peluang kepada rakyat Negeri Selangor membuat pilihan untuk menentukan kaedah pembayaran premium mengikut kemampuan masing-masing;
- iii. Membantu Kerajaan Negeri menyelesaikan isu pendudukan setinggan di atas tanah kerajaan; dan
- iv. Mempertingkatkan aspek urustadbir dalam Pentadbiran dan pengurusan tanah Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI  
(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : TEKNOLOGI PEMODEGAN PERTANIAN**

220. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah terdapat kajian dan penggunaan teknologi atau mekanisme baharu dalam meningkatkan produktiviti dan hasil pertanian dalam negeri?
- b) Apakah usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri dengan pihak Kementerian untuk memajukan sektor pertanian bagi menjana pertumbuhan ekonomi bersifat jangka panjang?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri sentiasa berhubung rapat dengan badan penyelidikan pertanian seperti MARDI dan IPTA seperti UPM bagi mendapatkan teknologi dan mekanisma baharu dalam membangunkan sektor pertanian.
- b) Kerajaan Selangor melalui beberapa program yang sedang dan telah dilaksanakan menumpukan banyak perhatian bagi menjana pertumbuhan ekonomi melalui sektor pertanian. Bagi tahun 2019, beberapa program telah dijalankan bagi menyediakan tapak-tapak pertanian yang mampu menghasilkan produk pertanian yang lumayan. Antara projek yang sedang diusahakan adalah tanaman nanas MD2, tanaman roselle dan ternakan kelulut di daerah Sabak Bernam, tanaman dengan penggunaan teknologi plant factory, akuaponik, vertical farming dan air hydro pot di Gombak, penggunaan teknologi drone bagi sawah padi dan pembangunan program agroprenuer muda. Di bawah program agroprenuer Kerajaan Negeri menyediakan tapak dan bantuan dalam bentuk input serta kemudahan pembiayaan. Bagi tujuan pasaran, Kerajaan Negeri telah membangunkan pasar Selangor Agro Market (SAM) dan aplikasi yang dibangunkan oleh SSDU iaitu skim pemasaran secara atas talian serta kaedah pembayaran tanpa tunai (cashless) menggunakan e-wallet dan portal kewangan lain.